

# Calon Mahasiswa Putra menang besar

**Serdang:** Calon Mahasiswa Putra meneruskan penguasaan di Universiti Putra Malaysia (UPM) apabila memenangi 29 kerusi berbanding 12 kerusi diperoleh Pro-Mahasiswa (Pro-M) dan empat milik kerusi bebas.

Lebih menjamin kemenangan besar itu, sebanyak 10 kerusi fakulti turut dimenangi tanpa bertanding oleh calon Mahasiswa Putra iaitu dua kerusi di setiap lima fakulti.

Kemenangan tanpa bertanding itu disebabkan beberapa faktor, seperti calon tidak dicabar dan menarik diri.

Fakulti berkenaan ialah Fakulti Sains dan Tekno-

logi Makanan, Fakulti Komputer dan Teknologi Maklumat, Fakulti Sains Pertanian dan Makanan Kampus Bintulu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi serta Sekolah Pengajian Siswazah.

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UPM, Prof Dr Mohammad Shatar Sabran, berkata peratusan pelajar turut mengundi tahun ini meningkat kepada 82.88 peratus berbanding 80 peratus pada tahun lepas.

“Proses undi yang ditutup pada jam 4 petang turut membabitkan 45 kerusi yang terdiri daripada 11 calon kawasan umum dan 34 calon kawasan fakulti,” katanya.